

**Muhyiddin Hadiri Mesyuarat Tertutup Umno Sabah Dan Jawatankuasa BN Negeri  
Bernama  
16 Januari, 2012**

KOTA KINABALU, 16 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menghadiri mesyuarat tertutup bersama Badan Perhubungan Umno Sabah dan Jawatankuasa Barisan Nasional (BN) Negeri.

Muhyiddin, yang tiba pada kira-kira 7.00 malam, diiringi Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman untuk menghadiri majlis makan malam tertutup sebelum mesyuarat itu bermula di Bilik Persidangan, Bangunan Perhubungan Umno Negeri Sabah.

Mesyuarat yang bermula pukul 8 malam itu, turut dihadiri dua Naib Presiden UMNO iaitu Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan Datuk Seri Shafie Apdal.

Pada Selasa, Muhyiddin yang juga Timbalan Presiden Umno, dijadual menghadiri beberapa majlis bersama rakyat di Semporna dan Tawau.

Beliau turut dijangka menyampaikan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kepada mereka yang layak.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=640455>